



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 490/2000

### PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA) (PENGURUSAN HALON) 2000

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

28 Disember 2000

Tarikh mula berkuatkuasa :

29 Disember 2000

---

#### SUSUNAN PERINTAH

---

#### [Mukadimah](#)

Perintah 1. [Nama](#)

Perintah 2. [Pewakilan kuasa](#)

#### [JADUAL](#)

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 49(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut :

### **Perintah 1. Nama**

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Pengurusan Halon) 2000.**

### **Perintah 2. Pewakilan kuasa**

Ketua Pengarah mewakilkkan kuasa di bawah seksyen 38 (kecuali kuasa untuk menahan, menaiki dan mengeledah kapal atau pesawat udara), 38A dan 48B Akta kepada pegawai yang dinyatakan dalam Jadual bagi maksud menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999 [*P.U. (A) 452/99*].

## **JADUAL**

Mana-mana Penguasa Kanan, Penguasa, Penolong Kanan Penguasa, Penolong Penguasa, Pegawai Bomba Gred I, Pegawai Bomba Gred II dan Pegawai Bomba Gred III yang bertugas di Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Pencegah dan Keselamatan Kebakaran di Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dibuat 20 Disember 2000.

[AS(S) 91/110/902/083; PN(PU<sup>2</sup>) 280/VI]

HAJAH ROSNANI BT. IBARAHIM  
*Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling*